

Satu kajian Institut Pengajian Dasar (IPS) pada 2016 mendapati sekitar satu dalam lima anak muda di Singapura fikir secara kerap untuk berhijrah selama-lamanya. Anak Melayu pula membentuk hampir suku daripada golongan yang disebut sebagai 'penjelajah' – berkeinginan dan berkeyakinan tinggi untuk berhijrah. Apakah faktor yang mendorong belia untuk berhijrah dan 'menjelajah'? Ikuti laporan **NUR ADILAH MAHBOB** (adilaham@sph.com.sg).

# Memahami sikap belia yang ingin berhijrah

TREND belia Singapura yang berhijrah dan menyerantau boleh dianggap sebagai sesuatu yang positif kerana ini bermakna belia yakin bersaing di persada dunia.

Mentelah, tanggapan masyarakat mengenai langkah berhijrah juga telah berubah dan menjadi lebih positif sejak beberapa tahun lalu.

Namun, golongan yang berhijrah harus digalak agar terus berhubung dengan Singapura yang boleh memanfaatkan kepakaran serta pengalaman mereka dari luar negara, kata pakar.

Satu tinjauan Institut Pengajian Dasar (IPS) pada 2016 yang melibatkan lebih 2,000 belia berusia antara 19 tahun dengan 30 tahun, menunjukkan hampir satu dalam lima atau 18 peratus belia amat kerap atau setiap masa berfikir mahu berhijrah ke luar negara buat selama-lamanya.

Kajian itu juga mendapati lebih dua dalam tiga belia fikir pengalaman kerja di luar negara adalah penting, dengan kebanyakan fikir tempoh satu hingga dua tahun, dan dua hingga lima tahun sebagai tempoh paling ideal untuk berada di luar negara.

Penyelidik kajian itu, Dr Leong Chan-Hoong, berkata tanggapan masyarakat mengenai bekerja dan tinggal di negara lain telah berubah sejak beberapa tahun lalu.

"Stigma bekerja dan tinggal di luar negara tidak sekuat enam tahun lalu apabila orang yang meninggalkan Singapura digelar sebagai orang yang gagal.

"Hari ini, anda meninggalkan Singapura kerana terdapat peluang di luar negara dan anda boleh memanfaatkannya dan membawanya pulang untuk membantu Singapura," ujar Dr Leong dalam satu taklimat media pada bulan lalu.

Bagaimanapun, perangkaan belia yang amat kerap berfikir untuk berhijrah – 18 peratus pada 2016 – mencatat sedikit penurunan berbanding 21 peratus pada 2010.

Pakar sosiologi dari Universiti Sains Kemasyarakatan Singapura (SUSS), Profesor Madya Kang Soon-Hock, berkata lebih banyak peluang disediakan kepada belia di Singapura sejak beberapa tahun lalu.

"Satu sebab (bagi kemerosotan itu) adalah kemungkinan mempunyai lebih banyak peluang setempat disediakan bagi mereka yang ditinjau pada 2016, berbanding mereka yang

"Stigma bekerja dan tinggal di luar negara tidak sekuat enam tahun lalu apabila orang yang meninggalkan Singapura digelar sebagai orang yang gagal. Hari ini, anda meninggalkan Singapura kerana terdapat peluang di luar negara dan anda boleh memanfaatkannya dan membawanya pulang untuk membantu Singapura."

– Dr Leong Chan-Hoong, penyelidik kajian Institut Pengajian Dasar (IPS) mengenai trend belia yang berhijrah.

ditinjau pada 2010," ujar Profesor Madya Kang.

Pada 2012, Perdana Menteri Lee Hsien Loong mengumumkan, pemerintah akan menambah 3,000 lagi tempat mahasiswa setiap tahun menjelang 2020, dengan meluaskan program oleh Institut Teknologi Singapura (SIT) dan UniSIM (kini SUSS atau Universiti Sains Kemasyarakatan Singapura), yang menjadi universiti kelima dan keenam Singapura.

Singapura juga telah menyediakan lebih banyak peluang menerusi inisiatif SkillsFuture.

Dr Leong menarik perhatian selain dasar yang lebih positif di Singapura, peningkatan sentimen nasional di negara lain pula mungkin telah menjadikannya kurang menarik bagi anak muda berhijrah ke luar negara.

Dengan landskap ekonomi yang mencabar dan tidak menentu di luar negara, memang dapat difahamkan lebih ramai ingin tinggal di Singapura, kata Anggota Parlimen (AP) GRC Pasir Ris-Punggol, Encik Zainal Sapari.

"Jika ekonomi global menjadi lebih rancak, saya menjangkakan lebih ramai yang ingin berhijrah," ujar Encik Zainal.

Kajian IPS itu juga mendapati belia Melayu membentuk 23 peratus dalam golongan yang digelar

'Penjelajah' (Explorer) iaitu mempunyai keinginan dan berkeyakinan tinggi berhijrah dan paling rasa terkejut dengan kemasukan bakat asing di Singapura.

Pakar sosiologi dari Universiti Pengurusan Singapura (SMU), Profesor Tan Ern Ser, berkata perangkaan 23 peratus atau hampir suku bagi belia Melayu itu adalah ketara "jika penghijrahan dilihat sebagai tidak diinginkan atau sebagai tanda bahawa Singapura tidak menarik untuk didiami".

"Jika ia bermakna warga Singapura sedia berhijrah, ini mengandaikan bahawa orang Melayu mempunyai kecenderungan tinggi mahu menyerantau," ujar Profesor Tan.

Encik Zainal pula menarik perhatian, orang Melayu yang telah berhijrah mungkin mencetus inspirasi bagi orang Melayu mengikuti jejak yang sama dengan tanggapan terdapat peluang lebih baik bagi maju dalam kerjaya.

"Diiringi tanggapan mungkin terdapat siling kaca dalam kemajuan kerjaya mereka, ini mungkin satu faktor dorongan bagi milenial Melayu berhijrah," ujar Encik Zainal.

Zamil di Institut ISEAS-Yusof Ishak, Dr Norshahril Saat, pula berkata, trend belia Melayu berhijrah boleh dilihat secara positif jika ia bermakna mereka rasa mampu bersaing di persada global, tetapi ia boleh di-

## SIKAP BELIA SINGAPURA MENGENAI PENGHIJRAHAN PADA 2016



**1 dalam 5**

amat kerap berfikir tentang penghijrahan



**1 dalam 3**

akan pertimbang secara serius untuk berhijrah dalam 5 tahun akan datang



**1 dalam 2**

lebih suka perbaiki nasib di Singapura



**5** destinasi paling popular: Australia, New Zealand, Amerika Syarikat, Britain dan Canada



**1 dalam 2**

tidak akan melepaskan kerakyatan Singapura walaupun mereka ingin jadi penduduk tetap (PR) di negara lain

Belia Melayu bentuk **23%** dalam golongan 'Penjelajah' (Explorer)

- Mahu dan yakin hijrah
- Paling rasa terkejut dengan kemasukan bakat asing ke dalam negara
- Rasa bangga terhadap negara, dan mempunyai hubungan keluarga yang kukuh

FOTO: OVERSEAS SINGAPOREAN UNIT Sumber: Institut Pengajian Dasar (IPS) GRAFIK BERITA HARIAN

## EMPAT GOLONGAN BELIA

### 1) PENETAP TERASING (DISCONNECTED STAYERS)

- Tidak mahu hijrah
- Kurang rasa bangga terhadap negara
- Kurang optimistik tentang masa depan ekonomi Singapura

### 2) PENETAP BERJAYA (FLOURISHING STAYERS)

- Tidak mahu hijrah
- Rasa bangga terhadap negara
- Optimistik tentang masa depan ekonomi negara
- Hubungan keluarga yang kukuh

### 3) PENJELAJAH

- Mahu dan mampu hijrah
- Paling rasa terkejut dengan kemasukan bakat asing ke dalam negara
- Rasa bangga terhadap negara dan mempunyai hubungan keluarga yang kukuh

### 4) TERASING

- Mahu tetapi tidak mampu hijrah
- Paling kurang rasa bangga terhadap negara
- Paling kurang optimistik tentang masa depan ekonomi negara
- Tidak mempunyai hubungan keluarga yang kukuh

Sumber: Institut Pengajian Dasar (IPS)